



CENDERA HATI...D Kamarudin (dua dari kiri) menyampaikan cenderamata kenangan kepada Zaini (tiga dari kiri) selepas selesai sesi Syarahan Sains UMS, Siri 1/2018 kelmarin.

NST 27.3.2018 5

Syarahan Sains UMS bincang perkembangan sains bagi manfaat awam

KOTA KINABALU: Syarahan Sains Universiti Malaysia Sabah (UMS) Siri 1/2018 yang berlangsung kelmarin memfokuskan isu perkembangan dalam perkembangan sains bagi manfaat polisi umum.

Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Ir. Dr. Zaini Ujang berkata perbincangan tentang perkembangan sains adalah satu keperluan khususnya yang melibatkan pensyarah dan mahasiswa universiti.

Menurut beliau, pelbagai keputusan mampu dibuat berdasarkan perbincangan akademik berbentuk syarahan yang membincangkan isu perkembangan sains terhadap kelestarian alam.

"Sebagai contoh, kita boleh melihat dan meneliti dasar kelestarian, bagaimana untuk memperbaiki dasar sedia ada, dengan adanya penglibatan pensyarah, ahli akademik dan mahasiswa melalui syarahan seperti ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir memberikan syarahan yang berlangsung di Dewan Resital, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, UMS, kelmarin.

Kata Zaini, perbincangan dalam bentuk syarahan yang diadakan itu turut membuka ruang kepada penambahbaikan banyak perkara.

"Kita telah berbincang kaedah baru yang boleh digunakan secara meluas, khasnya dalam penggunaan pengiraan karbon, yang mana hal ini merupakan asas kepada sesuatu pembangunan aktiviti kehidupan seharian yang wajar dipandang serius pada masa kini.

"Selain itu, jika kita mampu mengurangkan penghasilan karbon dalam pelbagai aktiviti seharian, itu adalah lebih baik kerana sememangnya kita perlu mengamalkan amalan hijau dan menjaga Bumi," jelasnya lagi.

Tambah beliau, ahli sains turut memainkan peranan penting dan diperlukan bagi memberi

kefahaman mendalam kepada mahasiswa tentang ilmu sains.

"Kini kita mempunyai pelbagai konsep cara hidup yang mana kita ukur dengan menggunakan parameter spesifik seperti pengukuran parameter pencemaran sungai dan sebagainya.

"Kita juga sedar, ahli sains adalah antara yang memainkan peranan terbesar bagi memberi kefahaman tinggi kepada mahasiswa berkenaan ilmu dalam bidang sains," ujar beliau.

Terdahulu, Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin berkata syarahan tersebut yang dianjurkan oleh Fakulti Sains dan Sumber Alam adalah satu usaha pihak universiti dalam merealisasikan hasrat kerajaan untuk mencapai graduan holistik.

"Saya percaya, syarahan ini amat signifikan kepada warga UMS dalam merealisasikan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) Pengajian Tinggi (PT) 2015-2025 menerusi Lonjakan 1 iaitu Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang.

"Saya juga yakin, ilmu dan perkongsian pensyarah dalam sesi syarahan ini mampu menonjolkan kehebatan sains dan keperluan sains dalam kehidupan seharian sebagai seorang saintis atau pentakbir," katanya.

Syarahan yang berlangsung selama sehari itu dihadiri oleh lebih 400 pelajar Fakulti Sains dan Sumber Alam serta pensyarah.

Turut berlangsung pameran sains yang disertai oleh pelajar dan penyelidik UMS.

Antara bahan pameran yang menarik perhatian adalah penghasilan baja organik, baja kompos dan penyelidikan sains.

Turut hadir dalam sesi syarahan tersebut ialah Datuk Bandar, Datuk Yeo Boon Hai dan Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Sabah, YM Tunku Khalkausar Tunku Fathahi @ Fatahi. **Ohh: NOOR ZAFIRA SHAFIE**